

Umno mahu dakwa anggota belot

Oleh Lichong Angkui, Kamal Ahmad dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beberapa ahli Umno Sabah yang cuba menggagalkan parti dalam pilihan raya negeri itu pada 18 dan 19 Februari lalu akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Disiplin.

"Ada orang (ahli Umno Sabah) tertentu yang melakukan perbuatan yang salah dan kita akan menghadapkan mereka kepada Jawatankuasa Disiplin," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Ibu Pejabat Umno, di sini hari ini.

Dalam kempen pilihan raya di Sabah baru-baru ini, ada beberapa

ahli Umno tidak mahu bekerjasama serta menyokong calon Barisan Nasional (BN). Perbalahan menjejaskan peluang BN untuk memenangi kawasan tertentu.

Dr Mahathir bagi pihak MT juga merakamkan ucapan tahniah kepada Umno Sabah kerana bekerja keras dalam pilihan raya itu.

Beliau juga berkata, Umno tidak akan mencabar peruntukan Artikel 14(1)(C) Perlembagaan Sabah berhubung kuasa Ketua Menteri melantik enam orang Ahli Dewan Undangan Negeri.

"Kita tidak berhajat mencabar peruntukan enam orang anggota (Dewan Undangan Negeri) yang dilantik (oleh Parti Bersatu Sabah

(PBS)," katanya.

Dalam sidang akhbar itu, beliau mengumumkan perlantikan pengurusan biro MT Umno. Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilantik sebagai Pengerusi Biro Ekonomi.

Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman mengetuai Biro Pendidikan; Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusuf Nor (Agama); Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabaruddin Chik (Sumber Manusia) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar (Pengguna).

Perdana Menteri turut mengumumkan perlantikan Timbalan Ke-

tua Perhubungan Negeri. Mereka ialah Azmi Khalid bagi Perlis; Datuk Zakaria Said (Kedah); Datuk Dr Ibrahim Saad (Pulau Pinang); Datuk Arshad Abdullah (Perak); Datuk Annuar Musa (Kelantan); Datuk Abu Hassan Omar (Selangor); Datuk Dr Yusof Nor (Terengganu); Datuk Mohamed Rahmat (Johor); Datuk Nasir Manap (Melaka); Datuk Suleiman Mohamed (Wilayah Persekutuan); Datuk Mohd Khalid Yunus (Negeri Sembilan) dan Datuk Sabaruddin Chik (Pahang).

Dr Mahathir berkata, persidangan tahunan Umno cawangan termasuk Pemuda dan Wanita akan bermula 1 Mei hingga 30 Jun ini. Bagaimanapun, tarikh persidangan bahagian akan

diumumkan selepas Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengumumkan pindaan kawasan pilihan raya yang baru.

"Perhimpunan Agung Umno akan diumumkan kemudian tetapi Perhimpunan Agung Khas Umno untuk meminda perlembagaan parti berhubung politik wang dalam parti akan diadakan Jun ini," katanya.

Presiden Umno juga menegaskan bahawa dasar kerajaan menyokong Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) tidak berubah.

"Pemuda Umno tidak buat kenyataan untuk menyokong Hamas (kumpulan radikal Palestin). Kita tetap menyokong PLO dan tiada pertukaran dasar bagi kita terhadap pertubuhan itu," katanya.